

02/07/2003

Abdullah berdepan generasi-x

Kamal Ahmad

JANUARI lalu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan akan meneruskan dasar yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 apabila mengambil alih kepemimpinan Oktober nanti.

Ia, kata Timbalan Perdana Menteri, adalah dasar negara yang dipersetujui sebulat suara oleh Kabinet dan akan kekal sebagai pemacu utama bagi dasar kerajaan Malaysia.

Selain itu, beberapa petunjuk sudah diberi mengenai apa yang bakal dilakukannya. Kandungan ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno, 17 Jun lalu, cukup menjadi bayangan.

Adalah hampir pasti fokus Abdullah kelak ialah kembali ke akar umbi masyarakat Melayu dan perjuangan Umno, menyuburkan semula nilai murni serta nilai Timur. Beliau juga dijangka meletakkan barisan kepemimpinan serta orang Melayu di atas landasan nilai agama dan jati diri.

Apabila Abdullah membacakan puisi bertajuk 'Aku Cari Damai Abadi', gambaran paling ketara mengenai sikap dan pemikiran beliau ialah mahu mengajak kita kembali kepada Islam sebenar berlandaskan al-Quran, sunnah Nabi serta ulamanya termasuk Imam Ghazali dan Imam Shafie.

Apakah Abdullah akan berjaya menonjolkan sesuatu yang baru dalam pencarian konsep negara dan karektor baru orang Melayu berteraskan asas perjuangan Umno yang sememangnya bertunjangkan Islam?

Abdullah mahu kejayaan dan kekayaan diuruskan berlandaskan iman. Beliau

juga mengingatkan barisan kepemimpinan semua peringkat agar tidak melakukan sesuatu yang akhirnya menimbulkan rasa meluat, hilang kepercayaan serta penghormatan daripada akar umbi. Akhirnya rakyat menolak kepemimpinan mereka.

Sindrom memburu jawatan parti untuk menimbunkan kekayaan, mengejar kontrak dan berlagak apabila kaya - sebagaimana budaya korporat Barat yang menghalalkan apa juga cara asalkan matlamat tercapai - perlu diubati.

Gaya hidup yang lalai dan berfoya-foya kerana kemewahan sekarang, pada pandangan Abdullah, harus dikikis daripada masyarakat. Timbalan Perdana Menteri mahu memerangi segala bentuk sifat iblis dalam diri pemimpin, ahli parti dan akar umbi. Beliau tidak mahu orang Melayu terpesong, sekali gus tergelincir daripada landasan perjuangan yang suci.

Sesungguhnya, jati diri dan nilai murni sebagai antara unsur dalam asas perjuangan Umno, mampu memastikan parti terus utuh. Sekali gus kejayaan yang dibina dan diamanahkan oleh Dr Mahathir kepada kita akan terus diperkasa dan diwarisi selama-lamanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, melihat Abdullah akan

meneruskan pembinaan bangsa Melayu dinamik dan agresif selain pembinaan karektor berketrampilan berteraskan jati diri dan nilai murni. Ini penting

untuk membawa orang Melayu memasuki era penuh cabaran dan hidup dalam kawasan bandar penuh pelbagai pengaruh.

"Jadi, penekanan dibuat untuk menjaga kualiti hidup dan masyarakat, terutama generasi muda kerana mereka sebagai generasi yang akan meneruskan kesinambungan serta mempertahankan kemerdekaan dengan kekuatan berteraskan jati diri dan Islam.

"Perlu ada usaha supaya generasi ketiga dan seterusnya tidak terpengaruh dengan budaya buruk luar. Kita juga tidak mahu anak kita dibuai kesenangan sehingga akibatnya kejayaan kita tidak mampu diurus lagi. Inilah cabaran dari dalam yang bakal dihadapi bukan saja Pak Lah, malah seluruh lapisan kepimpinan selepas ini," katanya.

Muhamad turut menegaskan, puluhan ribu pemuda Melayu yang berada di pusat serenti dan berkurangnya pelajar lelaki di pusat pengajian tinggi adalah petanda atau amaran awal orang Melayu akan lemah. Justeru, masalah itu perlu ditangani.

Ahli Parlimen Bagan Datoh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata Abdullah akan menangani permasalahan penyalahafsiran agama dan pemikiran salah akibat penggunaan agama dalam politik untuk menyanggah dasar kerajaan yang dituduh tidak berteraskan Islam.

"Pendirian ini terjelma dalam ucapan beliau ketika merasmikan Perhimpunan Agung Wanita, Pemuda dan Puteri Umno. Inilah tuntutan daripada rakyat pada masa ini.

"Ramai beranggapan inilah era dalam tempoh satu dekad akan datang," katanya ketika diminta mengulas pembentukan dasar negara dan untuk orang Melayu pada era Abdullah.

Abdullah bakal menghadapi pelbagai bentuk cabaran, kegiatan dan ancaman yang datang daripada dalam negara, serantau mahupun global. Contohnya, doktrin 'pre-emptive' kuasa besar, kumpulan ekstrem dalam negara dan berdepan kesan tindakan ekstremis di luar.

Namun, satu perkara yang perlu diberi tumpuan ialah kelompok 'generasi-x' Malaysia yang walaupun tidak ramai tetapi sedang mengembang dan semakin ketara mengalami hakisan jati diri serta nilai murni; kemunculan semakin ramai anak daripada keluarga yang runtuh ke dalam masyarakat; serta penularan penyakit korporat buruk dalam jentera pentadbiran dan kepimpinan parti serta kerajaan.

Justeru, perlu dicerna dan digubal satu dasar untuk menangani cabaran baru kemunculan kelompok generasi-x itu. Mereka adalah generasi ketiga selepas merdeka.

Program Khidmat Negara tidak mampu menjadi acuan dan mendisiplinkan mereka 100 peratus. Program Rakan Muda tidak berupaya menghalakan kecenderungan dan minat mereka pada saluran setepat-tepatnya.

Generasi-x adalah kelompok yang aktif. Mereka berfikiran terbuka. Mereka penuh maklumat yang diperoleh daripada pelbagai cara. Mereka gemar berkumpul sesama rakan sebaya dan sealiran. Gemar muzik, rokok, pergaulan dan seks bebas serta minuman keras.

Mereka mudah dipengaruhi apa juga aliran. Sudah ramai yang menganuti hedonisme. Mereka gemarkan cabaran dan bertindak melampau (extreme atau x). Inilah generasi-x yang dipromosikan Barat dan menjadi ancaman kepada budaya Timur masyarakat kita yang berteraskan jati diri dan nilai murni.

Akan ada masalah daripada generasi sebegini. Dari sudut sosial, generasi-x yang hidup dalam lingkungan serba mudah dan senang, tidak tahu akar umbi serta sejarah keluarga. Mereka tidak tahu sejarah perjuangan kemerdekaan.

Ibu bapa memanjakan anak atas dasar mereka tidak mahu anak merasai kesusahan seperti mereka kecil dulu.

Generasi-x tiada kemahiran, tidak kreatif dan inovatif. Hubungannya dengan alam dan survival, tiada. Mereka sentiasa berdepan dengan serba-serbi yang boleh dibeli dan sudah disediakan.

Justeru, kepemimpinan Abdullah dan generasi tua dan generasi pertama selepas merdeka bakal berdepan dengan generasi-x yang semakin ketara mengisi struktur masyarakat.

Ini juga permasalahan akar umbi dan perlu diselesaikan dengan kaedah 'kembali ke akar umbi' juga, iaitu menyuburkan semula jati diri dan nilai murni insan; membaik pulih struktur keluarga dan masyarakat; serta menghayati dan melaksanakan ajaran agama. Inilah kekuatan akar umbi bangsa.

Berdasarkan sejarah panjang Abdullah sebagai tokoh dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan pernah menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelum menjadi Ahli Parlimen, beliau ada resipi dan formula menangani generasi-x ini.

"Memang kita mula berdepan dengan permasalahan generasi-x tetapi berdasarkan pengalaman, Pak Lah mampu menanganinya," kata Ahmad Zahid.